



PROTOKOL PENCEGAHAN PENYAKIT DAN SEKATAN DI LOKASI PENGGAMBARAN DI BAWAH SIJIL PERAKUAN PENGGAMBARAN FILEM KHAS (SPP KHAS) FINAS

A. PRA-PRODUKSI

Majikan perlu menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia. Syarikat produksi perlu melantik seorang **Penyelia Penyelaras Produksi** bagi memastikan pematuhan SOP di semua peringkat produksi. Syarikat produksi wajib mematuhi peraturan dan tatacara pelesenan yang termaktub di bawah Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Akta 244).

1. Saringan Kesihatan

- i. Tenaga produksi yang tidak sihat sebelum penggambaran bermula harus memaklumkan status kesihatan masing-masing kepada syarikat produksi dan TIDAK dibenarkan untuk terlibat dalam penggambaran.
- ii. Majikan perlu menyediakan alat saringan suhu badan atau thermal scanner. Melaksanakan saringan bagi mengesan gejala berkaitan COVID-19 seperti demam, batuk, selsema, sakit tekak atau sesak nafas setiap hari sebelum penggambaran. Saringan perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk premis/studio lokasi penggambaran.
- iii. Syarikat produksi disarankan untuk melaksanakan aktiviti pra produksi secara dalam talian atau secara.
- iv. berkumpul bergantung kepada keluasan premis dan pematuhan penjarakan fizikal.

2. Laporan Kesihatan (di premis/lokasi penggambaran)

- i. Pekerja/ tenaga produksi yang mempunyai suhu badan 37.5° celsius ke atas atau menunjukkan sebarang simptom hendaklah dirujuk ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan dan mereka tidak dibenarkan memasuki premis syarikat, studio atau lokasi penggambaran.
- ii. Setiap tenaga produksi dikehendaki mendaftar dan memuat turun aplikasi MySejahtera untuk mendapatkan maklumat berkaitan COVID-19.

- iii. **Penyelia Penyelaras Produksi** perlu mencatatkan nama dan nombor telefon di dalam Buku Log Khas jika tidak menggunakan aplikasi MySejahtera. Buku log tersebut hendaklah sentiasa di kemaskini berdasarkan lokasi penggambaran.

B. PRODUKSI

1. Penjarakan Fizikal dan Tatacara Keselamatan Pekerja

- i. **Penyelia Penyelaras Produksi** perlu memastikan setiap pekerja produksi di lapangan telah mempunyai keputusan/slip ujian swab test covid-19.
- ii. Syarikat produksi perlu memastikan penggunaan tenaga produksi yang minima yang terlibat dalam setiap sesi penggambaran bergantung kepada keluasan premis dan lokasi penggambaran.
- iii. Menandakan kawasan penggambaran dan memastikan keluar masuk tenaga produksi terkawal.
- iv. Menyediakan hand sanitizer semasa kerja lapangan di set / lokasi penggambaran.
- v. Mewajibkan pemakaian face mask oleh setiap pekerja di kawasan terlibat.
- vi. Memastikan pematuhan penjarakan fizikal seperti tanda jarak 1 meter di lantai.
- vii. Memastikan pematuhan jarak kedudukan meja dan kerusi sekurang-kurangnya 2 meter khususnya di kawasan-kawasan seperti kafeteria/ kantin, bilik mesyuarat, dewan serba guna (multipurpose hall) dan lain-lain yang berkenaan.
- viii. Semua tenaga produksi diwajibkan untuk mengekalkan jarak fizikal sekurang-kurangnya 1 meter di set / lokasi penggambaran.
- ix. Semua babak penggambaran yang melibatkan sentuhan adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Syarikat produksi perlu menggunakan kreativiti tersendiri bagi memastikan pematuhan SOP.
- x. Aktiviti sesi bertemu peminat, temubual media dan apa-apa interaksi yang melibatkan orang awam di set penggambaran adalah tidak dibenarkan.
- xi. Jadual penggambaran haruslah diselaraskan bagi mengelakkan kesesakan.

2. Solekan, Tatarias dan Pakaian (Wardrobe)

- i. Semua jurusolek dan penata rias dikehendaki menggunakan face shield.
- ii. Syarikat produksi disarankan untuk menyediakan satu set alat solek khas kepada setiap pelakon dan memastikan tiada perkongsian peralatan alat solek bagi mengelakkan jangkitan. Jurusolek dan penata rias dikehendaki mencuci tangan atau menggunakan hand sanitizer sebelum dan selepas menyolek dan menata rias setiap artis.
- iii. Artis harus melakukan minor touch up sendiri bagi mengurangkan sentuhan dengan jurusolek dan penata rias.
- iv. Pakaian (wardrobe) perlu dinyahkuman sebelum, selepas dan dibersihkan segera selepas digunakan. Artis perlu menguruskan sendiri pakaian yang telah disediakan oleh wardrobe.
- v. Perkongsian pakaian dan penggunaan semula adalah tidak dibenarkan bagi mengelakkan jangkitan.

3. Etika di Kawasan Umum dalam Premis

- i. Kemudahan surau dan tempat ibadat dalam premis perlu dikawal dengan amalan penjarakan fizikal pada sesuatu masa.
- ii. Operasi kantin/ kafeteria hanya dibenarkan untuk penyediaan makanan dan minuman berbungkus.
- iii. Makanan harus dihidangkan secara pek individu. Penyediaan secara buffet adalah tidak dibenarkan.
- iv. Waktu rehat makan hendaklah dilaksanakan secara berperingkat bergantung kepada kesesuaian masa yang ditetapkan syarikat.

4. Pengangkutan Pekerja

- i. Kenderaan pengangkutan pekerja yang disediakan oleh syarikat perlu menjalani proses pembersihan dan nyahkuman setiap kali sebelum digunakan.
- ii. Kapasiti penuh penumpang bas/van pekerja dengan mewajibkan pemakaian pelitup muka.

5. Tindak Balas Kecemasan

- i. Syarikat perlu mewujudkan Jawatankuasa Protokol Tindak Balas Kecemasan bagi penyediaan dan pelaksanaan tatacara mengurus

kes-kes kecemasan (terdapat jangkitan atau siasatan jangkitan COVID-19).

- ii. Memastikan semua pekerja mematuhi dan memahami terhadap pematuhan SOP yang telah di tetapkan.
- iii. Kos pembersihan dan nyahkuman di premis perlu ditanggung oleh syarikat.
- iv. Syarikat perlu menyediakan penginapan alternatif bagi tujuan kuarantin dan kos perlu ditanggung oleh syarikat.

C. PASCA PRODUKSI

1. **Penyelia Penyelaras Produksi** perlu memastikan kawasan/lokasi penggambaran dinyahkuman dan dibersihkan terlebih dahulu sebelum meninggalkan kawasan penggambaran.

2. **Penyelia Penyelaras Produksi** perlu membuat pelaporan khas selepas selesai penggambaran. Laporan tersebut hendaklah diserahkan kepada Finas bersama buku log yang telah dikemaskini dan disusun bagi tujuan pengumpulan data sekiranya penularan wabak Covid-19 berlaku.

Disediakan oleh:

**Bahagian Pelesenan & Penguatkuasaan
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)**